

10/03/2004

Serangan peribadi modal 'murahan' pemimpin Pas

DENGAN teka-teki bila Parlimen dibubarkan dan tarikh Pilihan Raya Umum ke-11 diadakan sudah terjawab, kini timbul pula teka-teki siapa di antara pemimpin Pusat mahu pun negeri yang tidak akan bertanding lagi atau bertanding di kawasan lain.

Berikutan penetapan tarikh penamaan calon pada Sabtu ini dan pengundian lapan hari kemudian iaitu pada Ahad berikutnya, pelbagai ramalan dibuat terhadap siapa yang akan kekal, siapa yang berundur atau tidak dipilih oleh parti masing-masing untuk bertanding lagi dan bagi yang bertanding, di mana mereka akan beradu nasib.

Pengagihan kerusi di antara pelbagai parti komponen BN sudah pun dipersetujui, melainkan beberapa kawasan, khususnya di negeri membabitkan Umno, MCA dan Gerakan yang mungkin ditukar dengan mengambil kira keadaan kawasan dan bakal calon.

Pihak pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan yang bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga sudah mencapai persetujuan pengagihan kerusi. Kedua-dua parti itu masih mahu mempertahankan persefahaman mereka sebagai barisan alternatif, walaupun tidak disertai DAP yang sudah serik tidak mahu diperkudakan lagi oleh Pas.

Bagaimanapun, persetujuan telah tercapai antara Pas-Keadilan dengan DAP bagi menentukan mereka tidak akan menentang sesama sendiri dalam usaha melawan BN.

Mereka mahu lihat perlawanan dua penjuror saja di setiap kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) supaya undi pembangkang tidak akan berpecah hingga menguntungkan BN. Apakah ini menjadi kenyataan akan dapat diketahui tiga hari lagi.

Penentuan di mana beberapa pemimpin pembangkang akan bertanding juga masih belum ditentukan. DAP sendiri belum memutuskan kawasan Parlimen dan negeri mana pemimpin veterannya, Lim Kit Siang, akan bertanding. Lim yang sejak tiga pilihan raya lalu gagal untuk mencapai hasrat menguasai kerajaan negeri Pulau Pinang, nampaknya sudah lentur dan akan berpindah ke Ipoh untuk mengadu nasib.

Pada 1999, beliau dan orang kuatnya Karpal Singh tewas di kedua-dua kubu DAP di mana mereka bertanding. Karpal yang mula-mulanya mahu bertanding di Petaling Jaya, akhirnya tetap terus mencuba lagi di Pulau Pinang tetapi bukan di Jelutong yang mana beliau tewas empat tahun sebelumnya, tetapi di kawasan baru Bukit Gelugor.

Demikian pula dengan dua orang kuat Keadilan, Naib Presidennya Azmin Ali dan Ketua Pemudanya, Ezam Mohd Nor serta seorang lagi akan hanya mendapat kepastian sama ada boleh bertanding atau tidak esok, dua hari sebelum hari pencalonan. Mereka serta Timbalan Ketua Wanita parti itu, Irene Fernandez, sebelum ini telah meminta pandangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terhadap kelayakan untuk bertanding kerana mereka telah dijatuhi hukuman penjara lebih setahun oleh mahkamah kerana kesalahan jenayah tertentu.

(Perlembagaan Persekutuan menetapkan seseorang yang dijatuhi hukuman penjara tidak kurang daripada setahun dan didenda tidak kurang dari RM2,000 akan hilang keahlian dalam Parlimen atau DUN).

Keadilan kemudiannya menuduh SPR bersekongkol dengan BN kerana berpendapat ketiga-tiga mereka itu sudah hilang kelayakan untuk bertanding. Mereka mempertikaikan pandangan ini kerana berpendapat mereka masih layak bertanding kerana sedang menunggu rayuan terhadap hukuman ke atas mereka itu.

SPR berpendapat ada perbezaan antara perlucutan keahlian sebagai wakil rakyat dengan syarat kelayakan menjadi calon. Seorang wakil rakyat sememangnya akan hanya hilang kedudukannya sebagai wakil rakyat apabila selesai proses rayuan terhadap hukumannya. Tetapi mereka yang dikenakan hukuman penjara atau denda demikian sudah hilang hak untuk menjadi calon pilihan raya. Sama ada ia sedang dalam proses rayuan tidak menjadi persoalan.

Eloklah ketiga-tiga mereka itu mengemukakan tuntutan mendapatkan pandangan mahkamah (semakan semula kehakiman) terhadap keputusan SPR itu. Harapannya apa-apa keputusan mahkamah hari Khamis ini tidak dipolitikkan lagi.

Di pihak BN, kedudukan beberapa Menteri Besar, Ketua Menteri dan juga Menteri masih menjadi tanda tanya. Apakah mereka akan bersara atau bertukar kawasan dari Parlimen ke DUN atau sebaliknya masih belum diputuskan keseluruhannya. Khabarnya kemungkinan besar pemilihan calon bagi BN akan tercapai keseluruhannya hanya pada Jumaat ini.

Ini adalah untuk meneliti kekuatan atau kelemahan seseorang bakal calon untuk sesuatu kawasan tertentu itu dan sama ada mereka ini boleh diterima pimpinan bahagian, cawangan serta akar umbi parti dan pengundi. Pertimbangan ini penting kerana pernah berlaku jentera parti pada peringkat cawangan atau bahagian tidak berfungsi kerana pimpinan akar umbi tidak dapat terima calon yang ditunjuk kerana berfikir mereka lebih layak bertanding di kawasan tertentu itu.

Kekalahan Umno, khususnya di beberapa Parlimen dan DUN tertentu di Kelantan, Terengganu dan Kedah pada pilihan raya lalu antaranya disebabkan ketidakpuasan ini hingga berlaku sabotaj dan memulau calon hingga memberikan kemenangan kepada Pas dan Keadilan.

Masalah bersabit pemilihan calon ini tidak pula wujud di kalangan pembangkang seperti Pas, DAP mahupun Keadilan. Pimpinan bahagian dan cawangan parti pembangkang itu menerima saja siapa pun yang ditunjuk pimpinan Pusat mereka.

Kenapa perkara pilihan calon atau di mana calon itu bertanding tidak menjadi masalah bagi Pas, DAP atau parti pembangkang lain? Ia tidak menjadi masalah besar seperti dihadapi Umno di beberapa kawasan. Kenapa perkara begini boleh berlaku?

Jelas ini adalah kelemahan Umno dan perlu diatasi. Apakah salah dibuat andaian ada sebilangan mereka yang berjuang dalam Umno sebenarnya tidak ikhlas? Tidakkah tindakan demikian itu memberi gambaran mereka lebih pentingkan peribadi daripada parti dan negara?

Kebanyakan daripada wakil rakyat BN yang tidak terpilih lagi sudah pun dimaklumkan sebagaimana juga kebanyakan daripada mereka yang berpindah dari Parlimen ke DUN atau sebaliknya. Tetapi selagi keputusan muktamad tidak dihebahkan, lobi melobi untuk seseorang calon BN tertentu bagi beberapa kawasan akan terus berlangsung.

Pilihan raya kali ini akan diingati sebagai suatu yang tidak mempunyai isu besar atau isu nasional. Ini kerana negara berada pada tahap terbaik dari segi kemantapan ekonominya. Tidak ada apa masalah besar yang boleh dimainkan pembangkang untuk meraih sokongan.

Kemarahan pelbagai kalangan terhadap apa yang berlaku kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah pudar. Ia tidak lagi menjadi isu sebagaimana pada 1999 dulu yang telah banyak menghakis sokongan Melayu daripada Umno.

Laungan reformasi sudah terkubur, walaupun Keadilan berusaha untuk menghidupkannya lagi. Ini menyebabkan perjuangannya sudah tidak mendapat tempat. Kedudukan parti itu juga bertambah lemah berikutan begitu ramai pemimpinnya yang kecewa dan kembali ke pangkuan Umno.

Pilihan raya kali ini juga adalah suatu referendum untuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berikutan mengambil alih pucuk pimpinan negara

daripada Tun Dr Mahathir Mohamad. Itulah sebabnya BN mengharapkan kemenangan besar kali ini kerana ia akan mengukuhkan lagi kedudukan Abdullah serta memberikan keyakinan lebih baginya meneruskan apa yang dilaksana dalam tempoh empat bulan sejak menerajui kerajaan.

Ramai rakyat menerima baik segala langkah yang dilaksanakan, khususnya berkaitan usaha membanteras rasuah dan memperbaiki sistem penyampaian untuk kepentingan rakyat dengan mengurangkan kalau pun tidak dapat menghapuskan terus kerenah birokrasi. Pendeknya beliau dilihat sebagai berusaha memberi tumpuan kepada memenuhi kehendak dan hasrat rakyat jelata berikutan kedudukan kemajuan ekonomi dan pembangunan yang telah bertambah mantap.

Menyedari hakikat ini, pembangkang khususnya Pas mula membangkitkan isu peribadi dengan sengaja mengada-adakan perkara remeh mengenai Abdullah, seolah-olah menyoal kedudukannya sebagai seorang yang berpegang kuat kepada agama. Oleh kerana mereka tidak boleh mengungkit apa-apa pun kelemahan perwatakannya dari segi penghayatan terhadap agama, perkara beliau mengimamkan solat pun telah dijadikan isu oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Ia seolah-olah memberi lampu hijau kepada pengikutnya untuk menimbulkan soal peribadi Abdullah dalam kempen mereka.

Tidak hairanlah Pas akan berterusan dengan corak kempen demikian ini walaupun dalam manifestonya ia tetap dengan hasrat hendak menjadi barisan alternatif kepada BN. Bagaimana Pas yang hanya boleh bekerjasama dengan Keadilan mahu menubuhkan barisan alternatif sebagaimana diimpikan dalam manifestonya tidak terjelas.

Harapan Hadi menggunung - mahu menjadi Perdana Menteri. Itulah Pas dalam manifestonya memberi gambaran seolah-olah mahu mengambil alih daripada Umno sebagai suara Melayu. Tetapi mana satu parti bukan Melayu yang ia boleh harapkan untuk dapat bekerjasama tidak pula dijelaskan. DAP sudah serik diperkudakan. Ia tidak mahu lagi apa yang berlaku pada 1999 dulu berulang.

Pas memenuhi manifestonya dengan janji manis mahu melakukan itu dan ini, kebanyakannya tidak munasabah, hanya untuk sedap didengar tetapi tidak praktikal. Inilah perjuangan Pas.